



Gerhana matahari yang mencatat sejarah

● INILAH pemandangan kedudukan gerhana matahari di ruang angkasa ibu negara tengahari semalam dilihat oleh beribu-ribu penduduk Kuala Lumpur dan sekitarnya.

Foto ini diambil dari kawasan ibu pejabat Polis Diraja Malaysia di Bukit Aman, menunjukkan pergerakan bulan menutupi matahari minit demi minit hampir tiga jam, menyebabkan

cuaca terang benderang bertukar mendung.

Gerhana ini, yang hanya berlaku sekali dalam masa 300 tahun, dapat dilihat mulai jam 10.54 pagi.

Sorotan foto ini disusun semula oleh artis kita, menunjukkan pergerakan gerhana itu dari jam 11 pagi (kanan) hingga kira-kira jam 1.45 petang (kiri).

Beribu penduduk Kuala Lumpur, termasuk kakitangan kerajaan keluar beramai-ramai melihat

peristiwa bersejarah ini. Pada umumnya mereka mematuhi amaran pakar-pekar mata jangan melihat gerhana itu dengan mata kasar bagi mengelak kerosakan. Mereka menggunakan cermin gelap dan negatif film.

Gerhana penuh hanya dapat dilihat di Pulau Jawa, Indonesia, menyebabkan cuaca menjadi gelap lima minit pada jam 11.26 pagi (waktu tempatan).

— Foto Berita Minggu.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia